



# NEWSLETTER



## Kependudukan Negeri Sabah

### A. PENGENALAN KEPADA NEGERI SABAH

Negeri Sabah yang sering dirujuk sebagai Negeri di Bawah Bayu merupakan satu daripada 14 negeri yang terdapat di Malaysia dan negeri kedua terbesar di Malaysia selepas Sarawak. Sabah terletak di utara pulau Borneo iaitu pulau ketiga terbesar di dunia dan Ibu negeri Sabah ialah Kota Kinabalu yang dahulunya dikenali sebagai Jesselton. Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan yang dituturkan hampir seluruh etnik di negeri ini dengan dialek Sabah yang dipanggil Baku.



Bahasa pribumi seperti Kadazan Dusun, Bajau dan Murut turut menjadi pertuturan utama. Secara geografinya, bahagian barat Sabah adalah kawasan pergunungan dengan Banjaran Crocker yang merupakan banjaran dengan ketinggian sekitar 1,000 hingga 4,000 meter. Gunung Kinabalu (4,095 meter) merupakan gunung yang tertinggi di Kepulauan Borneo dan diiktiraf sebagai antara sepuluh gunung tertinggi di Asia Tenggara.




### B. PENDUDUK NEGERI SABAH

Penduduk Sabah bertambah daripada 3.89 juta pada 2018 kepada 3.90 juta pada 2019 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.2 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada 2019 ialah 71.1 peratus daripada keseluruhan penduduk Sabah. Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Peratusan penduduk kumpulan umur bekerja dan umur tua di Sabah mencatatkan peningkatan dari 2015 hingga 2019. Pada 2019, peratusan umur muda menurun kepada 23.4 peratus (2018: 23.7%) manakala peratusan penduduk kumpulan umur bekerja dan umur tua mencatatkan peningkatan masing-masing kepada 73.2 peratus (2018: 73.0%) dan 3.4 peratus (2018: 3.3%).




## B. PENDUDUK NEGERI SABAH

**Ilustrasi 1: Anggaran Penduduk Negeri Sabah mengikut Daerah Pentadbiran, 2019**



Daerah Kota Kinabalu mencatatkan bilangan penduduk paling ramai iaitu 527,600 orang iaitu 13.5% daripada jumlah penduduk Negeri Sabah. Daerah paling padat di Sabah adalah daerah Putatan dengan kepadatan 1,788 orang bagi setiap kilometer persegi. Penduduk Sabah berjumlah 651,304 pada tahun 1970 dan meningkat kepada 929,299 selepas sedekad. Tetapi dalam dua dekad selepas tahun 1980, populasi penduduk negeri ini meningkat dengan sangat ketara dengan mempunyai penduduk sebanyak 1.5 juta secara mengejut dan mencapai 2,468,246 menjelang tahun 2000. Sehingga tahun 2019, bilangan ini telah berkembang sehingga 3.9 juta dengan warga asing sebanyak 29 peratus daripada jumlah populasi di negeri ini.

**Ilustrasi 2: Anggaran penduduk mengikut kelas umur**




Nisbah jantina penduduk Sabah kekal dari 2015 hingga 2019 iaitu 109 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Jumlah nisbah tanggungan penduduk Sabah menunjukkan penurunan bagi tempoh 2015 hingga 2019.

## C. TENAGA BURUH NEGERI SABAH

Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja iaitu dari umur 15 tahun hingga 64 tahun sama ada bekerja atau menganggur. Dalam Laporan Sosioekonomi Sabah 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan tenaga buruh di Sabah meningkat dengan purata pertumbuhan tahunan 3.5 peratus antara tahun 2010 hingga 2019. Pada tahun 2019, sejumlah 2,025.7 ribu orang tenaga buruh direkodkan berbanding 1,937.6 ribu orang pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, 64.3 peratus adalah lelaki manakala baki sebanyak 35.7 peratus daripada adalah dari golongan perempuan.


(juta orang)



Ilustrasi 3: Tenaga Buruh di Sabah, 2015-2019

Pada tahun 2019, Sabah mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 5.8% dengan kadar penyertaan tenaga buruh sebanyak 70.0%. Sabah adalah salah satu negeri di Malaysia yang mempunyai kadar pengangguran yang tinggi berbanding dengan negeri lain. Justeru dasar dan program yang menyeluruh perlu dilaksanakan bagi mewujudkan sumber pendapatan baharu disamping mengekalkan pekerjaan sedia ada.

Ilustrasi 4: Kadar Pengangguran Sabah, 2016-2019




Bagi kategori penduduk bekerja mengikut sektor, seramai 1,049.3 ribu orang pekerja (55.0%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2019 dan diikuti oleh sektor Pertanian dan Pembuatan yang masing-masing merangkumi 495.8 ribu orang (26.0%) dan 188.4 ribu orang (9.9%). Sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 8.1 ribu orang (0.4%).

Selain itu, bilangan tenaga buruh di Bandar lebih tinggi iaitu 1,308 ribu berbanding dengan di luar Bandar (717.7 ribu). Majoriti tenaga buruh di Sabah adalah dari kalangan umur 25 tahun hingga 29 tahun iaitu sebanyak 414.5 ribu, diikuti dari golongan umur 20 tahun hingga 24 tahun (380.4 ribu) dan dari golongan umur 30 tahun hingga 34 tahun (288.9 ribu).




Ilustrasi 5: Pekerja mengikut sektor ekonomi utama




## D. PENDAPATAN PENDUDUK DI NEGERI SABAH

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Sabah telah meningkat kepada RM4,235 pada tahun 2019 berbanding RM4,110 pada tahun 2016 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.0%. Daerah Kota Kinabalu mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi iaitu RM6,004 pada 2019 (2016: RM5,683) diikuti Penampang RM5,493 (2016: RM5,211) dan Putatan RM5,119 (2016: RM5,112).



Ilustrasi 6: Pendapatan Penengah mengikut kelas



Ilustrasi 7: Pendapatan Penengah & Purata mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2019, nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Malaysia telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa. Semakan ini menekankan kepada pengambilan makanan yang optimum dan sihat serta keperluan asas bukan makanan yang berkualiti. Nilai purata PGK di Sabah ialah RM2,537 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,179 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 4.5 orang. Insiden kemiskinan mutlak negeri Sabah bertambah baik daripada 23.97 peratus pada 2016 kepada 19.5 peratus.



### Rujukan:

1. Anggaran Penduduk 2019, DOSM
2. Laporan Sosioekonomi Negeri Sabah 2019, DOSM
3. Laporan Survei HIS Negeri Sabah 2019, DOSM